

D676

R B280

MAHATHIR - VIDEO 1984

ALOR SETAR, 30 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD "KESAL KERANA ADA GOLONGAN TERTENTU TERMASUK PAS YANG MENYEBARKAN PITA VIDEO MENGENAI KEHADIRAN MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DALAM SATU MAJLIS MAKAN SEOLAH-OLAHNYA IA SATU KESALAHAN BESAR.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN PENYEBARAN PITA VIDEO ITU SEBAGAI SATU FITNAH PAS UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN PEMIMPIN UMNO.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA DIMINTA MENGULAS PENYEBARAN PITA VIDEO YANG MENAYANGKAN GAMBAR MENTERI EESAR KEDAH DENGAN BERPAKAIAN ALA MEXICO BERSAMA BEBERAPA ORANG ANGGOTA EXCO DAN PARA PEGAWAI KANISYERAN XERAJAAN NEGERI KETIKA MENGHADIRI SATU JAMUAN MAKAN MALAM LAPAN BULAN LALU.

FILEM TERSEBUT YANG MEMAKAN MASA LEBIH 40 MINIT ITU MENGGAMBARAKAN SUASANA DI SATU MAJLIS JAMUAN DENGAN DATUK SERI SYED NAHAR MEMAKAI TOPI ALA MEXICO.

FILEM ITU MENJADI TOPIK PERBUALAN DI NEGERI INI SEJAK AKHIR-AKHIR INI DAN PITA-PITA VIDEO ITU MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT DI KEDAH, PERLIS, PULAU PINANG DAN PERAK. -- LAGI
1249MST 30 11 84

D677

R 8281 DEB ENX

MAHATHIR - VIDEO 2 ALOR SETAR

+ SETAKAT YANG SAYA TAHU IA SATU MAJLIS MAKAN MALAM. SAYA BERPENDAPAT MEREKA TIDAK MELAKUKAN KESALAHAN DALAM MAJLIS HAKAN MALAM ITU, + TEGASNYA KETIKA DITANYA SAMA ADA TINDAKAN AKAN DIMABIL TERHADAP YANG TERLISAT.

DATUK SERI SYED NAHAR BERSAMA-SAMA DUA ORANG ANGGOTA EXCO, DATUK PADUKA OTHMAN AROFF DAN DATUK ZAINAL ABIDIN JOHARI SERTA KETUA PEMUDA UMNO KEDAH, HAJI ZAKARIA SAID MENGHADIRI JAMUAN MAKAN MALAM PERSENDIRI ANDI HOTEL MERLIN INN DISINI FEBRUARI LALU DAN PITA VIDEO YANG DIRAKAMKAN DALAM MAJLIS ITU TELAH DISEBARKAN SEJAK SEPTEMBER LALU.

DITANYA SAMA ADA PENYEBARAN PITA VIDEO ITU SATU TAKTIK PAS UNTUK MERACUNI FIKIRAN RAKYAT AGAR PEMIMPIN UMNO DIGULINGKAN, PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENJAWAB: + ITU (FITNAH) HEMANG PEKERJAAN PAS.

BERNAMA DIFAHAMKAN PERDANA MENTERI. AMAT KESAL KERANA PENGENALAN PITA VIDEO YANG DITAYANGKAN ITU DISELITKAN DENGAN GAMBAR LUCAH DAN DITOKOK-TAMBAH SEOLAH-OLAH PARA PEMIMPIN UMNO NEGERI YANG DIPAMIRKAN DALAM FILEM ITU TERLIBAT DENGAN KELAKUAN TIDAK SENONOH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH SOAL PAS MEMINTA UMNO HEMBUAT KENYATAAN MENGENAI ISLAM BUKAN KERANA UNTUK KEPENTINGAN AGAMA SEMATA-MATA TETAPI UNTUK MENYEBABKAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM TIDAK MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL. -- BERNAMA

1251MST 30 11 84